

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 27 Februari 2017 17:04
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: IPDM - UTUSAN MALAYSIA WUJUD KOLABORASI



27 FEBRUARI 2017 / 30 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), terus melebarkan kerjasama apabila kali pertama menjalin kolaborasi bersama Utusan Malaysia.

Dalam satu pertemuan di IPDM, Pengarang Utusan Malaysia, Aznan Bakar amat berbesar hati menerima pelawaan IPDM untuk menjalinkan kerjasama bagi beberapa projek yang dirancang.

Pengarah IPDM, PPjR. Dr Hj Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri berkata, usaha sama ini adalah satu anjakan positif dalam memperkenalkan program-program yang dianjurkan IPDM.

Ini adalah kerjasama hebat yang mampu mencetuskan gelombang transformasi dalam memperkasakan kewibawaan IPDM agar ianya lebih dikenali di peringkat global. Utusan Malaysia merupakan sebuah syarikat akhbar yang diyakini dapat membantu hasrat ini.

"Kerjasama dua hala antara IPDM dan Utusan akan diperkukuhkan lagi menerusi MoU untuk membentuk satu jaringan strategik yang bukan sahaja membentuk satu kerjasama formal malah memberi manfaat kepada masyarakat amnya", katanya.

Perbincangan hampir 2 jam itu, lebih bermakna apabila kedua-dua pihak telah bersetuju akan bekerjasama melalui program bual bicara tidak lama lagi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.